

07 AUG 2003

Musa-Mahathir

MUSA BINCANG DENGAN DR MAHATHIR MENGENAI ISU-ISU SEMASA SABAH

KOTA KINABALU, 7 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Musa Aman akan mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan melakukan lawatan kerja sehari ke negeri ini esok.

Ketika ditanya mengenai perkara yang bakal dibincangkan, Musa berkata ia akan meliputi isu-isu semasa negeri ini.

"Kita akan bincang apa sahaja yang baik untuk Sabah. Saya sendiri akan memberi taklimat itu kepada Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "Seminar Pemikiran Dr Mahathir" anjuran Jabatan Hal-Ehwal Khas di sini hari ini.

Beliau enggan mengulas lanjut.

Pertemuan antara Perdana Menteri dan Ketua Menteri itu dijadual berlangsung kira-kira pukul 11 pagi esok sejurus selepas ketibaan Perdana Menteri.

Sabah bakal mengadakan pilihan raya negeri yang ke-10. Tempoh Dewan Undangan Negeri sekarang akan berakhir 12 April tahun depan atau kira-kira lapan bulan dari sekarang.

Sementara itu dalam ucapannya, Musa mengajak generasi muda khususnya supaya menghayati pemikiran Dr Mahathir yang berjaya membawa kemajuan pesat kepada negara dalam pelbagai bidang.

Ketokohan, kebijaksanaan, ketegasan dan ketajaman fikiran Dr Mahathir telah memberi sumbangan besar kepada kejayaan memartabatkan bangsa Malaysia di peta dunia, kata beliau.

"Apa yang penting ialah kita mesti mempunyai ilmu dan daya kreativiti yang tinggi," kata Musa.

-- BERNAMA

JS ROS